

KEMUKAKAN BORANG B TAHUN TAKSIRAN 2021 MELALUI E-FILING SELEWAT-LEWATNYA PADA 15 JULAI 2022

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memberikan peringatan kepada semua **pembayar cukai individu pemastautin yang mempunyai pendapatan perniagaan** agar mengemukakan Borang B Tahun Taksiran 2021 mereka selewat-lewatnya pada atau sebelum **15 Julai 2022** melalui kaedah **e-Filing**.

2. Sebagai panduan berkenaan pengemukakan Borang Nyata Cukai ini, pembayar cukai boleh merujuk kepada Program Memfail Borang Nyata bagi tahun 2022 yang boleh diakses dan dimuat turun menerusi pautan yang berikut:
 - i. Bahasa Melayu:
https://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN_2022_1.pdf

 - ii. Bahasa Inggeris:
https://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN_2022_2.pdf

3. Sebagai makluman, sehingga **31 Mei 2022**, penerimaan Borang Nyata Cukai TT 2021 bagi pembayar cukai yang menjalankan perniagaan adalah sebanyak **166,869** yang mana sebanyak **165,673** diterima melalui kaedah e-Filing dan **1,196** melalui Borang Kertas (manual).
4. Pembayar cukai adalah disarankan untuk mengemukakan Borang Nyata Cukai dan membayar cukai pendapatan mereka dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang penalti lewat hantar borang dan kenaikan lewat bayar cukai.
5. Pemprosesan bayaran balik cukai terlebih bayar sentiasa menjadi keutamaan HASiL dalam memastikan setiap pembayar cukai yang layak akan menerima bayaran balik cukai mereka dalam tempoh yang ditetapkan. Sehubungan itu, bagi membantu HASiL memproses setiap bayaran balik cukai terlebih bayar dengan lancar, adalah dinasihatkan agar semua pembayar cukai mengisi maklumat yang tepat serta terkini dalam Borang Nyata Cukai mereka.
6. Sebarang pertanyaan dan maklum balas berkaitan perkara ini boleh dikemukakan kepada HASiL melalui:
 - a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
 - b) HASiL Live Chat; dan
 - c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:

Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Customer Care Officer: 019-651 1100

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 13 Julai 2022

